

# Abdullah arah semua MB segerakkan projek RMK-9

UM - 14/3/2007

Oleh LUKMAN ISMAIL

**Mesti dipercepat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan di peringkat negeri. Kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan perlu juga ditingkatkan keberkesannya**

**MELAKA** 13 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua Menteri Besar dan Ketua Menteri mempercepatkan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) di negeri masing-masing.

Perdana Menteri berkata, dalam mesyuarat dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri di Putrajaya pagi ini, beliau mahukan kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat mempertingkatkan keberkesannya.

"Mesti dipercepat pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan di peringkat negeri. Kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan perlu juga ditingkatkan keberkesannya.

"Satu lagi, pembayaran yang perlu dibuat oleh kerajaan negeri perlu dibayar segera. Jangan tangguh-tangguh," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan Kompleks Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) cawangan Melaka di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad dan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Abdullah memberitahu, kebanyakan perbincangan adalah berkaitan perkara umum untuk mempertingkatkan tahap kecekapan perkhidmatan awam.

Sebelum itu, dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, beliau telah memaklumkan kepada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri supaya meningkatkan kepantasan bekerja di sektor awam di peringkat negeri, daerah dan wilayah.

"Bukan setakat peringkat Pusat tetapi juga kerajaan negeri, bahawasanya kerajaan ini kerajaan yang mengutamakan rakyat, kerajaan prihatin kepada rakyat," kata beliau.

Mengenai Kompleks KHEDN itu, Abdullah berkata, ia sebahagian usaha kerajaan untuk mempercepat dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan kepada rakyat.

Kata beliau, kecekapan tersebut tidak boleh hanya ditumpukan di pejabat kerajaan di Putrajaya semata-mata tetapi juga perlu dilaksanakan di peringkat negeri.

"Sekiranya perkhidmatan itu dapat dibawa atau diadakan di peringkat wilayah atau negeri, ia akan membantu rakyat mengurangkan belanja nak pergi jauh, jimat petrol dan banyak lagi kemudahan.

"Kerja yang hendak dijalankan di negeri tak ditinggalkan hanya kerana nak pergi ke Putrajaya," jelas Perdana Menteri.

Kompleks KHEDN Cawangan Melaka itu mengandungi Jabatan Imigresen, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan, Ikatan Relawan Rakyat (Rela), Bahagian Kawalan Filem, Jabatan Pertahanan Awam dan Agensi Pendidikan Kebangsaan (AADK).